



GARIS PANDUAN

SKIM GERAN PENYELIDIKAN AKADEMIK 2024

BAHAGIAN AKADEMIK & ANTARABANGSA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
<http://www.baa.usm.my>

1.1 Pengenalan

Dalam usaha memantapkan agenda transformasi akademik USM, satu inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah diwujudkan bagi tujuan ini. Inisiatif ini adalah langkah penting dalam memupuk inovasi serta menggalakkan penyelidikan merentasi pelbagai disiplin disamping menyediakan sokongan kewangan yang membolehkan penyelidik Universiti melaksanakan penyelidikan dengan berkesan dan berimpak.

1.2 Objektif

Skim Geran Penyelidikan Akademik diperkenalkan khusus untuk mencapai objektif seperti ketetapan berikut:

- 1.2.1 Membudayakan kecemerlangan akademik di USM melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
- 1.2.2 Menggalakkan sumbangan idea dalam kalangan staf akademik untuk memantapkan kurikulum selaras dengan keperluan semasa dan tuntutan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.
- 1.2.3 Meningkatkan daya tarikan USM melalui ekosistem akademik yang mantap.

1.3 Syarat Permohonan

Permohonan geran ini terbuka kepada semua staf akademik USM dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut :

- 1.3.1 Warganegara Malaysia ; atau
- 1.3.2 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama dalam kalangan warganegara Malaysia ; dan
- 1.3.3 Hanya staf akademik yang berstatus taraf rekod AKTIF sahaja layak memohon, manakala staf berstatus Cuti Belajar atau sedang dalam Cuti Sabatikal atau di bawah kategori tidak aktif yang lain adalah tidak layak memohon.
- 1.3.4 Terhad satu (1) geran untuk setiap individu.
- 1.3.5 Bagi memenuhi Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023-2030 (PTMBM 2023-2030), digalakkan penyelidikan dan penerbitan di dalam Bahasa Melayu.

1.4 Jenis Geran

Geran Penyelidikan Akademik yang diperkenalkan oleh Bahagian Akademik dan Antarabangsa (BAA) adalah berbentuk penyelidikan jangka pendek.

1.5 Siling Permohonan

Peruntukan maksimum Skim Geran Penyelidikan Akademik Jangka Pendek adalah sebanyak **RM10,000.00** bagi setiap geran.

1.6 Tempoh Penyelidikan

- 1.6.1 Tempoh pelaksanaan geran adalah satu (1) tahun dan **tempoh lanjutan** adalah enam (6) bulan (maksimum).
- 1.6.2 Sekiranya tempoh geran telah berakhir dan penyelidikan tidak dapat disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan, Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan pelanjutan geran beserta justifikasi yang jelas serta kukuh kepada Bahagian Akademik dan Antarabangsa (BAA) sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh geran.

1.7 Proses Kewangan

- 1.7.1 Segala perbelanjaan haruslah mematuhi tatacara kewangan universiti dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- 1.7.2 Pembukaan akaun projek akan dibuat kepada projek yang berjaya dalam proses penilaian dan pentadbiran kewangan akan diserahkan kepada Pusat Pengajian/PTJ Ketua Projek.

- 1.7.3 Segala tuntutan perbelanjaan projek perlu dikemukakan kepada Pusat Pengajian/PTJ Ketua Projek dalam tahun 2024 sahaja.
- 1.7.4 Ketua Projek diwajibkan untuk memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan geran yang telah **diluluskan mengikut Vot sahaja**.
- 1.7.5 Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Ketua Projek.
- 1.7.6 Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT** dan tidak boleh digunakan lagi.

1.8 Peruntukan Kewangan

Peruntukan dana adalah dalam Vot Kawalan dan hanya membenarkan Vot seperti dibawah sahaja:

Vot	Catatan
Vot 11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pindaan Vot 11000 tidak dibenarkan kepada mana-mana Vot tetapi dibenarkan tambahan daripada Vot lain.
Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Perbelanjaan perjalanan bagi tujuan kerja lapangan dan menghadiri seminar/persidangan/ bengkel dalam negara sahaja. 2) Tuntutan ini meliputi bayaran bagi pengangkutan, elaun sara hidup, bayaran hotel dan penginapan, tip, tol, bayaran parkir kereta, dan perbelanjaan sampingan yang dibuat ketika perjalanan. 3) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. 4) Pindaan Vot tambahan ke Vot 21000 tidak dibenarkan tetapi dibenarkan tambahan kepada Vot lain. 5) Aktiviti pengumpulan data dalam negara, Vot 21 tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan peruntukan geran.

Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	1) Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	<p>1) Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultansi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll</p> <p>2) Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama adalah tidak dibenarkan dan tidak akan diluluskan.</p> <p>3) Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran penerbitan jurnal berwasit Scopus</p> <p>4) Hanya yuran persidangan dalam negara sahaja yang dibenarkan.</p>

1.9 Penilaian

Penilaian permohonan Geran Penyelidikan Akademik adalah seperti berikut :

- 1.9.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan Akademik yang telah ditetapkan oleh Bahagian Akademik & Antarabangsa (BAA).
- 1.9.2 Jawatankuasa Penilaian ini dianggotai oleh beberapa orang ahli yang diiktiraf sebagai individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hal ehwal akademik.
- 1.9.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Geran adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang dinyatakan di atas serta menggunakan borang penilaian projek.
- 1.9.4 Makluman keputusan penilaian akan dibuat kepada pemohon yang berjaya dan sebarang keputusan adalah muktamad.

2.1 Pemantauan : Pengawalan & Pelaporan

- 2.1.1 Semua projek yang telah diluluskan di bawah Geran Penyelidikan Akademik akan dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan seperti berikut :
- i. Laporan Kemajuan berkala (LKB) setiap 6 bulan sekali beserta pembentangan; dan
 - ii. Laporan akhir hendaklah dikemukakan 1 bulan selepas tarikh tamat projek.
 - iii. Laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan oleh BAA.
- 2.1.2 Bahagian Akademik dan Antarabangsa (BAA) berhak menarik balik geran sekiranya ketua projek tidak menepati keperluan pelaporan.
- 2.1.3 Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran juga akan menjelaskan permohonan baru Geran Dalaman Universiti pada masa hadapan. Ketua Projek dan ahli projek berkemungkinan besar akan disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.
- 2.1.4 Ketua Projek, ahli projek bersama dan semua yang terlibat dalam geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia.

2.2 Penerbitan

Hasil penyelidikan mestilah dalam bentuk satu artikel jurnal berindeks serta mestilah merakamkan penghargaan kepada Geran Penyelidikan Akademik Universiti Sains Malaysia beserta nombor akaun geran.

3.1 Bidang Penyelidikan

No Panggilan	Bidang Penyelidikan	Jangkaan Keberhasilan
ARG CALL 1-1 /2024	PENYEDIAAN BAKAT <ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan Bakat Negara (GE, Keusahawanan, Kebajikan) - Kecemerlangan Akademik - TVET - Pendanaan Pendidikan Tinggi - Pembangunan Program - Hubungan Industri - Kemasukan Pelajar Cemerlang 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan Akses Pendidikan Tinggi • Penghasilan Bakat bagi Keperluan Industri
ARG CALL 1-2 /2024	PENGANTARABANGSAAN <ul style="list-style-type: none"> - International Collaboration (What Malaysia have to offer) <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Kapasiti/Bidang Kepakaran • Pembangunan Modul, Penyelidikan, Akreditasi) - Mobiliti Pelajar (platform) - Peningkatan Kemasukan Pelajar Antarabangsa - Program Khas (Pelarian) 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan Kemasukan Pelajar Antarabangsa • Peningkatan Kemasukan Ilmuwan Antarabangsa • Peningkatan Daya Saing IPT di Peringkat Global
ARG CALL 1-3 /2024	PEMINDAHAN & PERKONGSIAN ILMU <ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan Kapasiti dan Kepimpinan - Pembangunan Komuniti - Perkhidmatan Konsultasi Kepakaran - Pelan Penggantian - Sandbox Pembangunan Komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberdayaan Komuniti • Penghasilan Pakar dan Peneraju dalam Bidang Ilmu • Pemantapan Pemimpin IPT yang Unggul
ARG CALL 1-4 /2024	PENDIGITALAN <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan micro-credentials & AI generatif dalam pendidikan tinggi - Menjana set data yang memberikan cerapan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan kandungan kursus dengan pedagogi berbeza dan terkini. • Pemantauan kesejahteraan dan pandangan pelajar/awam merentasi pelbagai platform media sosial • Penjenamaan dan pemasaran